

19 JUNE 2000

Muhyiddin-Kenyataan

KENYATAAN DR MAHATHIR BUKA MINDA MELAYU, KATA MUHYIDDIN

KANGAR, 19 Jun (Bernama) -- Kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa bukan Melayu juga berhak menjadi Perdana Menteri bertujuan membuka minda Melayu terhadap masa depan politik mereka, kata Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Menurut beliau, kenyataan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno itu bukan luar biasa bagi sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi.

Bagaimanapun menurutnya, realiti sekarang ialah orang Melayu daripada Umno yang menunjangi Barisan Nasional (BN) menjadi pilihan sebagai Perdana Menteri.

Semasa bercakap kepada para pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin Umno Perlis di sini, hari ini, Muhyiddin berkata dalam senario politik semasa, perkara itu tidak akan berlaku.

"Ia mungkin berlaku pada masa depan tetapi pada masa ini, parti-parti komponen BN menerima kepimpinan Umno," kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu.

Apa yang penting ialah orang-orang Melayu perlu sentiasa bersatu padu supaya terus dihormati oleh kaum-kaum lain di negara ini.

"Saya tidak fikir kenyataan Perdana Menteri boleh melemahkan Umno," katanya ketika ditanya sama ada kenyataan itu boleh mengurangkan keyakinan rakyat terhadap parti yang menunjangi pemerintahan negara ini.

"Kenyataan itu merupakan muslihat bagi membuka minda orang-orang Melayu supaya mereka berusaha mengekalkan ikatan perpaduan supaya tidak mudah digugat," katanya lagi.

-- BERNAMA

AD PR